

AGGRESIF DI KALANGAN REMAJA (Part 4)

Azizi Hj Yahaya

Gengsterisme

Zaman remaja dikatakan zaman paling unik sekali dalam kehidupan seseorang (Mahmood, 1990). Dari aspek fizikal berlaku perubahan jasmani dan kematangan seksual untuk remaja. Dari segi sosialnya, wujud usaha untuk mencapai kebebasan daripada ibu bapa dan kebebasan untuk mencari identiti sendiri. Dari sudut undang-undang, remaja dikatakan berakhir pada umur 18-21 tahun apabila ia menjadi dewasa. Remaja diperingkat umur ini mudah terikut-ikut perangai rakan mereka. Jika tingkah laku yang positif diikuti adalah digalakkan tetapi ada juga remaja yang terikut dengan tingkah laku yang negatif seperti suka membuat kacau, bergaduh, melanggar disiplin dan sebagainya.

Fenomena gengsterisme yang kini hangat diperkatakan sebenarnya sudah lama membarah di kalangan remaja Malaysia. Ia hanyalah merupakan rentetan daripada isu-isu moral remaja yang lain seperti gejala lari dari rumah, buang bayi, penagihan dadah, lepak dan pelbagai lagi gejala yang telah sekian lama menghantui remaja negara kita. Gengsterisme ialah tingkah laku yang membawa kepada akibat timbulnya kes-kes seperti kes bunuh, membuli, merogol, samun, peras ugut, mabuk, judi dan lain-lain lagi. Menurut Shaefer (2000), gengsterisme ialah tingkah laku atau perlakuan keagresifan, mungkin juga dikenali sebagai pengster atau samseng.

Memukul pelajar satu sama lain tidak diklasifikasikan sebagai kegiatan gengsterisme. Jika bilangan pemukul lebih daripada empat orang dari perspektif polis dianggap kegiatan gengsterisme. Tingkah laku gengsterisme dalam kalangan remaja yang masih bersekolah ialah satu fenomena global yang bukan sahaja berlaku di sekolah-sekolah Malaysia malah turut berlaku di sekolah-sekolah negara maju. Kegiatan gengsterisme yang melibatkan memukul pelajar ‘meletup’ tahun 2003 dengan menunjukkan banyak kes terjadi di sekolah.

Di antara rentetan kejadian itu ialah kes di mana 8 orang pelajar tingkatan 5 dari Kolej Melayu Kuala Kangsar (MCKK) telah dibuang sekolah termasuk 2 orang yang telah mengugut warden dengan menggunakan parang. Seramai 20 orang pelajar dari Sekolah Tuanku Abdul Rahman, Ipoh (STAR) telah dibuang sekolah kerana terlibat dengan kegiatan gengsterisme melalui kumpulan yang dikenali sebagai “The High Council” dimana ahli bertemu secara rahsia dalam waktu yang singkat di sebelah pagi untuk melakukan kegiatan membuli pelajar junior dan penderaan psikologikal.

Di Sekolah Menengah St. David, Bukit Baru, Melaka lebih kurang 20 orang pelajar bergaduh di kantin sekolah dan memukul sesama sendiri menggunakan kerusi. Salah seorang daripada mereka telah mengalami kecederaan di dahi dan menerima rawatan di hospital. Sementara polis telah menahan 9 orang pelajar berusia 16 dan 17 tahun selama 2 hari untuk membantu siasatan pihak polis. Gejala ini berlaku kerana wujudnya perasaan tidak puas hati di antara kumpulan pelajar kerana isu seperti balas dendam, hendak menunjukkan kuasa kumpulan yang hebat, membuli pelajar junior dan juga kerana aduan perbuatan salah laku kumpulan ini kepada pihak berwajib.

Terdapat pelbagai faktor menyumbang kepada wujudnya gejala gengsterisme di kalangan remaja. Latar belakang keluarga memainkan peranan yang penting dalam pembentukan ciri perlakuan gengsterisme. Keadaan celaru dalam keluarga sendiri seperti ibu bapa yang sering bergaduh, penggunaan kekerasan seperti memukul dan tindakan-tindakan yang keterlaluan seperti menyisih dalam usaha mendisiplinkan anak-anak oleh ibu bapa secara tidak langsung menggalakkan tingkah laku gengster dalam kalangan remaja. Sindrom ibu bapa kurang memberi perhatian terhadap remaja juga jelas kelihatan di bandar-bandar terutama sekali bagi ibu bapa bekerja. Remaja lebih senang mendampingi rakan sebaya daripada keluarga sendiri kerana ibu bapa tidak ada masa untuk menasihati anak-anak supaya mengulangkaji pelajaran, mengawasi pergerakan anak-anak dan sebagainya.

Satu lagi punca berlakunya permasalahan di kalangan para remaja ialah tiada pendidikan agama di kalangan ibu bapa mahupun anak-anak. Ibu bapa yang jahil tentang agama tidak dapat memberi didikan agama yang sempurna kepada anak-anak. Ajaran akhlak sering diabaikan, sebagai contoh menghormati ibu bapa, sembahyang, beradab dan sebagainya dan dipandang ringan oleh sesetengah ibu bapa. Walhal mengikut kajian Michelle et al. (1989), mendapati ajaran agama boleh menjadi sebagai pelita atau satu regangan moral dalam diri remaja agar mereka dapat berfikir sebelum melakukan sesuatu yang tidak bermoral. Pendidikan sivik dan agama boleh dan akan mempengaruhi cara permikiran remaja dan seterusnya tingkah laku sosial mereka.

Pengaruh media massa ke atas gelagat sosial remaja sememangnya ketara, maksudnya media massa seperti surat khabar, majalah, radio, televisyen dan tayangan video. Semua medium ini termasuklah majalah-majalah barat yang sering memaparkan gejala-gejala seperti keganasan masyarakat, video lucah dan budaya hidup yang tidak putus-putus di amati oleh para remaja. Kesemuanya jika diteliti menjadi bahan bacaan dan tatapan yang amat digemari oleh remaja. Tanpa unsur-unsur yang negatif ini mereka merasakan seperti tidak menarik dalam media cetak dan media elektronik yang mereka baca, lihat atau dengar.

Kajian Larry & Rose (1986) menunjukkan bahawa televisyen merupakan satu alat yang boleh memberi kesan kepada tingkah laku remaja. Remaja yang banyak menonton televisyen akan meniru gelagat yang disiarkan. Mengikut satu kajian yang dilakukan ke atas remaja yang

menonton siri Music TV yang berunsur keganasan dan seksual, mereka ini cenderung melakukan keganasan dan lebih suka membeli barang-barang yang ditayang dalam rancangan berkenaan. Jelaslah media massa khasnya televisyen, banyak mempengaruhi perilaku remaja yang masih belum matang fikiran. Jika tayangan yang disiarkan mempunyai unsur-unsur yang tidak sihat ia akan menghasilkan remaja yang tidak berkelakuan baik. Secara purata para remaja menghabiskan sejumlah 24 jam seminggu menonton televisyen. (James et al., 1988).

Budaya merangkumi pelbagai aspek dalam kehidupan sehari-hari kita. Kebudayaan sesuatu bangsa dilihat melalui cara permakaian, percakapan, perayaan dan adat resam yang diamalkan oleh mereka secara turun temurun. Kita mengamalkan budaya timur yang mementingkan tatasusila dan adab sopan yang baik. Semua harus sedar bahawa kita semua bertanggungjawab terhadap apa yang berlaku di dalam masyarakat kita.

Remaja merupakan pewaris mutlak yang akan mengambil alih pucuk pimpinan negara. Jika ia sudah di cemari dengan gejala-gejala negatif apakah bentuk manusia yang akan menjadi pewaris tampuk kepimpinan negara di masa hadapan. Kemana mereka hendak hala tuju kan negara ini kerana jika siap perhitungan negara boleh tergadai. Itulah kesan yang paling serius jika masalah ini tidak ditangani. Jika jenayah keganasan ini tidak dibendung daripada melanda negara kita kebudayaan timur yang selama ini menjadi teras, ini sedang ditelan oleh budaya Barat seperti Amerika Syarikat, Jerman, Britain yang amat bertentangan dengan budaya kita. Budaya barat mempunyai pengaruh yang besar terhadap muda mudi kita. Pakaian seperti jeans, mini skirt, baju yang koyak rabak yang mereka anggap moden sudah diamalkan secara meluas. Kesan pengaruh dadah, hidup suka berpeleseran, bebas berkedudukan terus meresap ke dalam budaya-budaya masyarakat kita akan mengakibatkan kebudayaan yang kita warisi selama ini pupus dan musnah.

Dasar kerajaan perlulah mengimbangkan kemajuan ekonomi dengan pembangunan ummah yang dipupuk dengan nilai-nilai yang sosial yang sihat. Antaranya seperti semangat kejiranan, berbaik-baik dengan anggota masyarakat, penggunaan bahasa yang baik semasa bertutur kata atau berkomunikasi, berperangai yang sopan sebagai yang dituntut oleh agama masing-masing.

Ibu bapa perlu meluangkan masa untuk anak-anak dan jangan menyerahkan sepenuhnya penjagaan anak kepada pengasuh. Jika pengasuhnya orang asing dari luar negeri maka budaya yang diterapkan kepada anak-anak ialah budaya mereka yang mungkin bercanggah dengan budaya kita. Ibu bapa juga tidak boleh terlalu memanjakan anak-anak dengan menuruti segala kemauan mereka dan merestui segala tindak tanduk mereka. Ibu bapa zaman sekarang juga selalu membela kesalahan anak mereka. Sebagai contoh, jika guru-guru mengambil tindakan kepada anak-anak mereka kerana melakukan kesalahan, ibu bapa sanggup mencemuh sekolah dan ada juga yang tergamak membawa kes ke mahkamah. Cara ini sebenarnya menjerumuskan

anak-anak terutama para remaja kepada kehancuran ahklak sehingga terjadinya gejal-gejala negatif seperti gangsterisme.

Bagi guru-guru dan sekolah pula perlulah jangan terlalu menyalahkan pelajar terutama remaja yang apabila melakukan salah laku. Kita tidak pernah menunjukkan atau memberitahu mereka perbuatan itu salah dan sepatutnya kita beritahu mereka apa yang sepatutnya dia lakukan melalui proses kaunseling atau nasihat spontan. Guru-guru yang masih mempunyai pandangan yang tugas mereka sekadar mengajar sahaja perlu menganjukkan paradigmanya bahawa guru juga adalah seorang pendidik. Pendidik mempunyai peranan yang lebih besar daripada mengajar. Contohnya kita melihat murid tidak memberi salam kepada guru, kita boleh tegur dan menasihati dia untuk menghormati guru dengan cara memberi salam sekiranya terserempak atau berjumpa dengan guru.

Pihak polis perlu sama-sama merancang suatu tindakan yang berkesan bagi menangani gejala sosial seperti gangsterisme. Jangan hanya menunggu ada laporan atau setelah orang membuat laporan baru tindakan diambil. Pihak polis juga perlu peka dengan masalah yang melanda para remaja ini. Masyarakat dan kejiranan perlu mempunyai tanggapan dan sikap dapat menerima anak orang sebagai tanggungjawab mereka dan anak mereka adalah tanggungjawab masyarakat. Maksudnya mereka perlu menegur remaja yang melakukan gangsterisme dan perlu berterima kasih apabila masyarakat menegur kesalahan anak mereka.

Tidak dinafikan, gangsterime sekarang sudah semakin parah di kalangan remaja. Kesbuli, rompak, samun, pukul memberikan satu impak negatif kepada masyarakat yang inginkan kehidupan yang damai. Pemahaman tentang tingkah laku gangsterisme dalam kalangan ibu bapa, pihak sekolah, guru dan masyarakat adalah perlu supaya pendekatan yang sesuai dan berkesan mampu dikenal pasti bagi menangani gejala ini. Pihak polis juga perlu lebih serius dan teliti untuk membasmi kegiatan gangsterime di negara ini. Jika semua pihak memandang sebelah mata masalah ini maka keruntuhan akhlak dan nilai-nilai moral serta gaya hidup yang tidak sihat ini kelak akan memberi kesan yang buruk kepada keluarga, masyarakat dan negara kita sendiri.

CONTINUE...